

Prestasi perdagangan negara dijangka meningkat

Prestasi perdagangan negara pada April dijangka kembali meningkat selepas mencatatkan penurunan berturut-turut pada Februari dan Mac.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr Ong Kian Ming, berkata memang berlaku sedikit kejatuhan dalam eksport dan import Malaysia pada kedua-dua bulan berkenaan.

“Namun, perlu juga diambil perhatian bahawa kejatuhan dagangan Februari adalah lebih tinggi daripada Mac dan jika dilihat perbandingan tahun ke tahun, prestasi dagangan Mac telah meningkat berbanding bulan sebelumnya.

“Ini mungkin memberi petunjuk yang prestasi dagangan untuk bulan April akan meningkat,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Semicon Asia Tenggara 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Abdul Majid Ahmad Khan; Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Azman Mahmud dan Ketua Pegawai Eksekutif SEMI, Ajit Manchola.

Eksport negara pada Mac susut 0.5 peratus kepada RM84 bilion berbanding bulan sama tahun lalu.

Ia disumbangkan oleh pengurangan jualan produk elektrik dan elektronik (E&E) dan barangan berasaskan komodi.

Bagi Februari 2019, eksport merekodkan penurunan sebanyak 7.2 peratus kepada RM122.15 bilion berbanding Februari 2018.